

# Transformasi Agihan Zakat

▣ Faizul Zubairi

**P**ersepsi masyarakat terhadap institusi zakat selalunya terarah kepada tanggapan bahawa institusi tersebut merupakan sebuah organisasi yang mengutip banyak wang. Ada yang berpendapat bahawa institusi zakat sepatutnya menggunakan wang kutipan zakat untuk membasmi kemiskinan dan bertanggungjawab dalam hal kebajikan dalam kalangan umat Islam.



Tidak ketinggalan juga yang mempersoalkan ke manakah perginya wang kutipan zakat tersebut? Memang wajar masyarakat Islam bertanya tentang wang kutipan zakat kerana hal tersebut merupakan amanah masyarakat. Dalam erti kata lain, masyarakat Islam mahu institusi zakat lebih berperanan dalam menangani masalah ekonomi umatnya. Untuk itu, institusi zakat memerlukan transformasi dalam agihan zakat, iaitu dari bentuk

zakat sara diri kepada bentuk zakat yang produktif.

## Agihan zakat produktif

Agihan ini berbeza daripada agihan zakat sara diri yang berbentuk pemberian langsung iaitu pemberian wang bantuan yang boleh digunakan terus untuk perbelanjaan yang hangus, iaitu habis apabila digunakan untuk menyelesaikan masalah pada ketika atau jangka waktu tersebut sahaja, dan perlu diberikan lagi apabila





diharapkan dapat menyembuhkan dan seterusnya membasmi kemiskinan golongan asnaf selama-lamanya. Agihan zakat produktif boleh dilaksanakan dalam bentuk program pemberian tidak langsung seperti rajah yang berikut:



dipohon semula. Agihan zakat produktif bermatlamat untuk mengeluarkan golongan asnaf daripada lingkaran kemiskinan. Ulama kontemporari, Yusof al-Qaradawi ada mengatakan bahawa, "Fungsi zakat bukan seperti suntikan penenang yang boleh meringankan derita untuk beberapa saat, tetapi sebagai ubat penyembuh yang boleh membasmi penyakit hingga ke akar umbi." Justeru, transformasi kepada agihan zakat berbentuk zakat produktif

Pelaksanaan zakat produktif seperti di atas perlu diperluas oleh institusi zakat kerana hal tersebut dapat melahirkan semangat menghargai bantuan yang diterima, menyuntik sikap berdikari dan meningkatkan daya saing serta mewujudkan semangat ingin keluar daripada lingkaran kemiskinan dalam kalangan asnaf. Firman Allah SWT yang bermaksud, "Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka." (*Surah al-Ra'd* 13:11).

Zakat produktif menjadi wadah terbaik dalam usaha membantu golongan asnaf untuk keluar daripada belenggu kemiskinan, lantas mengubah kehidupan ke arah yang lebih baik. Apabila memperkatakan tentang perubahan diri, gabungan jasad, akal dan emosi merupakan kunci utama yang akan menentukan kejayaannya. Apabila ketiga-tiga unsur ini dijaga, diasah, dibentuk dan dikekalkan, maka barulah perubahan dapat dibangunkan mengikut "acuan" yang dimahukan.

## Ibrah daripada kisah Rasulullah SAW

Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud, “Daripada Anas bin Malik r.a., seorang lelaki datang menemui Rasulullah SAW meminta bantuan, lalu Baginda membimbing dan membantunya menjual selembur kain lalu hasil jualan kain tersebut sebanyak dua dirham, iaitu satu dirham digunakan untuk membeli makanan ahli keluarga dan satu dirham lagi digunakan untuk membeli mata kapak. Kemudiannya, Rasulullah SAW membantu mengikat mata kapak tersebut pada anak kayu, dan seterusnya mengarahkan pemuda tersebut untuk mencari kayu dan menjualnya. Rasulullah SAW berpesan untuk tidak melihat pemuda tersebut dalam tempoh 15 hari. Akhirnya, pemuda tersebut telah memperoleh 10 dirham hasil daripada jualan kayu. Baginda bersabda bahawa keadaan ini lebih baik bagimu daripada perbuatan meminta sedekah yang akan mewujudkan cap hitam di dahimu pada hari akhirat.” (Hadis riwayat Abu Dawud, al-Tirmidzi, al-Nasa’i dan Ibn Majah).

Yang menarik daripada kisah ini ialah pendekatan yang digunakan oleh Rasulullah SAW dalam menangani kemiskinan dan sikap meminta-minta pemuda tersebut. Tindakan Rasulullah SAW dalam riwayat ini menggambarkan cara yang sepatutnya dalam menangani cabaran kemiskinan. Cabaran kemiskinan mempunyai dua masalah, iaitu masalah sikap dan masalah kewangan. Rasulullah SAW telah menangani kedua-dua masalah tersebut dengan penuh hikmah.

### Kecerdasan yang Dikurniakan kepada Manusia

#### IQ


**Kecerdasan Intelektual-** Kecerdasan yang membolehkan seseorang itu melakukan analisis terhadap sesuatu input dengan baik.

#### EQ

**Kecerdasan Emosi-** Kecerdasan yang membolehkan seseorang itu mengenal pasti emosi dan memberikan kesan terhadap cara bertindak balas seseorang berdasarkan sesuatu situasi.

#### SQ

**Kecerdasan Kerohanian-** Kecerdasan yang membolehkan seseorang itu memberikan nilai dan makna terhadap sesuatu situasi serta menjadi titik rujuk IQ dan EQ berinteraksi.



Berdasarkan rajah, ketiga-tiga unsur jasad, akal dan emosi pemuda tersebut telah ditangani oleh Rasulullah SAW dalam usaha menyelesaikan masalahnya. Hal ini memperlihatkan satu pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu telah diambil oleh Baginda bagi menyelesaikan masalah kemiskinan pemuda tersebut. Baginda bukan sekadar menyediakan bantuan bersifat kewangan atau hanya memberikan idea dan nasihat semata-mata. Sebaliknya, Baginda menggunakan kaedah yang sangat berhikmah bagi menyingkapi permasalahan ini, iaitu bermula dengan merangsang emosi peminta bantuan. Seterusnya, memecahkan kebuntuan fikiran dengan mengenal pasti “kail” yang boleh digunakan sebagai

penyelesai masalah untuk mendapatkan “ikan”.

Sekiranya bantuan yang diberikan tidak disertai dengan pakej komprehensif yang terkandung unsur jasad, akal dan emosi, maka yang dikatakan sebagai “memberi ikan” akan timbul. Untuk berjaya dalam bidang baharu yang ingin diceburi, bukan satu perkara yang mudah kerana banyak faktor lain yang perlu dipertimbangkan.

Zakat produktif berperanan seperti analogi kisah tersebut. Riwayat kisah pemuda ini turut disokong oleh hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud, “Demi Allah bahawa diriku berada dalam genggaman-Nya! Sekiranya seseorang itu mengambil tali, kemudian memikul ikatan

kayu api di belakangnya untuk mencari rezeki, itu lebih baik daripada dia mendatangi seseorang lalu meminta-minta daripadanya, sama ada orang itu memberikannya atau menegah permintaan dia.”(Hadis riwayat al-Bukhari).

### Zakat suatu amanah

Zakat merupakan amanah Allah SWT untuk diurus dengan sebaik-baiknya. Setiap tahun puluhan juta ringgit malahan ratusan juta ringgit wang zakat berjaya dikutip oleh institusi zakat. Pencapaian zakat kini diakui memberangsangkan, tetapi masih belum mencukupi. Pencapaian tersebut lebih tertumpu kepada pencapaian kutipan, tetapi kurang kepada ketidakseimbangan antara kedua-duanya mengakibatkan zakat pada hari ini setakat memenuhi keperluan asnaf sahaja, tetapi tidak boleh membawa asnaf berkembang sehingga boleh membawa

**Kewajipan menunaikan zakat seharusnya dijadikan daya penggerak utama dalam membina kekuatan ekonomi masyarakat Islam melalui perasaan malu menjadi penerima zakat, bahkan berlumba-lumba untuk menjadi golongan pembayar zakat pula.**

asnaf keluar daripada menjadi penerima zakat. Justeru, usaha berterusan perlu dilakukan oleh institusi zakat bagi mengatasi ketidakseimbangan tersebut dengan melaksanakan penambahbaikan zakat produktif. Selain itu, kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan institusi zakat perlu dilihat dari sudut agihan zakat produktif serta impaknya dalam mengeluarkan asnaf daripada belunggu kemiskinan.

Masih banyak penambahbaikan yang perlu dilakukan oleh institusi zakat dari segi agihan hak asnaf. Setiap agihan zakat yang dilaksanakan oleh institusi zakat mempunyai “pemilik” tertentu yang perlu diperuntukkan pada setiap tahun. Senarai asnaf kian panjang saban tahun. Amat sukar untuk mengeluarkan “pemilik tetap” ini daripada senarai penerima agihan kerana zakat yang diterima mereka berbentuk sara diri.

Perkembangan semasa ini menuntut transformasi pengurusan agihan zakat dilakukan. Dalam usaha mencari formula terbaik bagi mentransformasikan pengurusan agihan zakat sehingga tujuan persyariatan zakat dapat dicapai dengan sebaik-baiknya, zakat produktif dilihat dapat memainkan peranan utama dalam memacu usaha tersebut. Hal ini menjadi harapan agar transformasi agihan zakat yang lebih produktif ke arah pembasmian kemiskinan dapat menjadi pemangkin perkembangan institusi zakat di Malaysia demi mengangkat martabat masyarakat Islam. Inilah dasar dan strategi yang perlu diadaptasi oleh institusi zakat

bagi mengeluarkan golongan asnaf daripada belunggu kesusahan dan kemiskinan. Pendekatan agresif perlu diambil dalam usaha memperkenalkan program pemberian tidak langsung bantuan zakat yang dapat meningkatkan pendapatan asnaf.

Agihan zakat yang baik dan berkesan akan meningkatkan keyakinan pengeluaran zakat. Melalui keyakinan ini akan menghasilkan peningkatan kutipan yang membolehkan institusi zakat memperkasakan lagi agihan zakat produktif. Umat Islam akan benar-benar kuat dan mulia apabila tidak dibelunggu kemiskinan. Kewajipan menunaikan zakat seharusnya dijadikan daya penggerak utama dalam membina kekuatan ekonomi masyarakat Islam melalui perasaan malu menjadi penerima zakat, bahkan berlumba-lumba untuk menjadi golongan pembayar zakat pula. Inilah “mantera” yang perlu “dimomokkan” oleh institusi zakat ke dalam pemikiran penerima zakat.

Transformasi pengurusan agihan zakat secara ringkasnya boleh dikatakan berhasil apabila penerima zakat melalui bantuan zakat yang diterima akhirnya dapat keluar daripada garis asnaf penerima dan memungkinkan menjadi pengeluar zakat pula. Maka itu, akan tercapailah objektif utama zakat sebagai “penyembuh” dan “pembasmi” kemiskinan. Semoga penulisan ini dapat memberikan manfaat kepada kita semua untuk memartabatkan zakat dan kepentingannya dalam pembangunan ekonomi dan sosial masyarakat Islam. ☺